

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. TAN KEE KWONG
(WANGSA MAJU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23.05.2016

Y.B. DATO' DR. TAN KEE KWONG [WANGSA MAJU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk menimbang semula kadar GST memandangkan peningkatan kos berterusan dan kuasa beli rakyat semakin berkurangan dalam keadaan pendapatan rakyat masih berada di takuk yang sama.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula kadar standard GST yang pada masa ini ditetapkan pada kadar 6 peratus. Ini kerana sebelum pelaksanaan GST, kajian yang terperinci telah dibuat untuk memastikan kadar GST

yang dikenakan adalah yang paling bersesuaian dengan mengambilkira antara lain kedudukan kadar cukai yang telah dilaksanakan sebelum pelaksanaan GST iaitu cukai jualan 10 peratus bagi barangan dan cukai perkhidmatan 6 peratus bagi perkhidmatan. Disamping itu, pelbagai faktor lain seperti komposisi sumbangan hasil daripada sektor tertentu, beban cukai ke atas pengguna, struktur cukai pendapatan dan pakej bantuan kepada pengguna dan perniagaan juga telah diambilkira dalam penetapan kadar GST tersebut selaras dengan objektif untuk mewujudkan sistem percukaian yang berdaya saing dalam jangka panjang.

Model GST yang dilaksanakan di Malaysia juga bersifat progresif dimana pelbagai barangan dikenakan GST pada kadar sifar sementara perkhidmatan asas dikecualikan dari GST untuk memastikan kesan GST yang minima demi menjaga kepentingan golongan berpendapatan rendah.

Secara umumnya, berdasarkan trend kajian harga barang ke atas 15,754 item barangan bagi tempoh Januari 2015 hingga Januari 2016 yang dijalankan di kawasan meliputi zon utara, zon tengah, zon selatan, zon timur, Sabah, Sarawak dan Labuan mendapati kenaikan harga barang yang benar-benar disebabkan oleh GST adalah tidak

ketara. Sebahagian besar kenaikan harga tersebut adalah disumbangkan oleh faktor tertentu seperti kuasa pasaran iaitu perubahan permintaan dan penawaran barang, perubahan kadar tukaran mata wang asing, perubahan dalam kos pengeluaran termasuklah kadar upah/gaji dan pengangkutan.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa berusaha untuk membela kebajikan rakyat termasuklah menangani kos sara hidup yang semakin meningkat. Sehubungan ini, pelbagai langkah telah diperkenalkan oleh Kerajaan antaranya termasuklah;

- a. pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) bagi mereka yang berpendapatan RM4,000 ke bawah;
- b. pemberian Bantuan Persekolahan sebanyak RM100 kepada setiap pelajar sekolah rendah dan menengah dari isirumah berpendapatan RM3,000 ke bawah. Selain itu, Rancangan Makanan Tambahan turut disediakan kepada pelajar dari keluarga miskin, wang saku dan tambang pengangkutan kepada pelajar Orang Asli. Manakala bagi pelajar institut pengajian tinggi, Baucer Buku 1Malaysia disediakan;
- c. penubuhan Kedai Rakyat 1Malaysia yang menyediakan

barangan dengan harga 15% hingga 30% lebih murah daripada harga runcit biasa. Selain itu, melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (PCAP) 2011, Ops Catut dijalankan bagi mengawal kenaikan harga yang terlalu tinggi; dan

d. bagi meningkatkan pendapatan golongan pekerja, Kerajaan menetapkan gaji minimum sebanyak RM1,000 sebulan bagi Semenanjung dan RM920 ringgit sebulan bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan berkuatkuasa 1 Julai 2016. Manakala bagi kakitangan awam, gaji permulaan terendah dinaikkan kepada RM1,200 ringgit sebulan. Selain itu, pelbagai insentif pelepasan cukai individu diberikan oleh Kerajaan dan pengurangan caruman KWSP bagi menambah pendapatan boleh guna rakyat;